



جابتن قرهوتن نكري جوهر
**JABATAN PERHUTANAN
NEGERI JOHOR**

**KAWASAN EKO PELANCONGAN
DI DALAM HUTAN SIMPANAN
KEKAL
JABATAN PERHUTANAN NEGERI
JOHOR**



1. PENGENALAN



- Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) merupakan salah satu agensi di bawah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi melaksanakan dasar dan undang-undang perhutanan.
- JPNJ bertanggungjawab terhadap Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Johor dalam menguruskan Hutan Simpanan Kekal sejajar dengan konsep pengurusan hutan secara berkekalan untuk menjana pendapatan kerajaan negeri yang mapan.
- Pengurusan Hutan Tropika yang bukan hanya tertumpu kepada pengeluaran kayu-kayan semata-mata tetapi mencakupi produk dan pengeluaran hutan bukan kayu serta perkhidmatan hutan selaras dengan pelbagai Fungsi Hutan (Forest Functional Classes) - Seksyen 10 Akta Perhutanan Negara, 1984 (Pindaan 1993).

ANTARA OBJEKTIF JABATAN

- Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan, air dan tanah serta penggunaannya secara berkekalan;
- Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat; dan
- Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negara, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan;

ANTARA TANGGUNGJAWAB JABATAN

- Mengurus sumber hutan sejajar dengan konsep pengurusan hutan secara berkekalan;
- Menasihati pihak berkuasa negeri dalam pentadbiran sumber hutan untuk menjana pendapatan kerajaan negeri yang mapan;
- Menasihati pihak berkuasa negeri dalam pelaksanaan dasar-dasar berkaitan eko-pelancongan dan pengurusan Hutan Lipur dan Taman Negeri;



TAMAN EKO RIMBA (TER)

- ✓ TER Gunung Pulai 1
- ✓ TER Gunung Pulai 2
- ✓ TER Pantl
- ✓ TER Gunung Arong
- ✓ TER Gunung Belumut
- ✓ TER Soga Perdana
- ✓ TER Sungai Bantang
- ✓ TER Takah Melor

HUTAN TAMAN NEGERI (HTN)

- ✓ HTN AYER HITAM UTARA
- ✓ HTN GUNUNG ARONG

- ✓ KAWASAN AKTIVITI PENDAKIAN DAN
- ✓ AKTIVITI SUKAN LASAK
- ✓ GUNUNG SUMALAYANG
- ✓ GUNUNG BELUMUT
- ✓ GUNUNG BEKOK
- ✓ GUNUNG MAOKIL
- ✓ GUNUNG GUA RIMAU
- ✓ GUNUNG CHEMENDONG
- ✓ GUNUNG PULAI
- ✓ GUNUNG MUNTAK
- ✓ GUNUNG PANTI
- ✓ GUNUNG PANTI BARAT
- ✓ GUNUNG LAMBAK
- ✓ GUNUNG BANANG
- ✓ GUNUNG ARONG
- ✓ BATU TENGEK
- ✓ PELEPAH KIRI
- ✓ BUKIT BOTAK, BUKIT BERDIRI DAN BUKIT PAYONG
- ✓ TREK SUNGAI YONG
- ✓ TREK SALOR GAJAH
- ✓ TREK SUMALAYANG

AKTIVITI YANG DIBENARKAN BAGI EKO PELANCONGAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL

1. Aktiviti rekreasi umum [berkelah, beriadah, titian, silara, menelusuri sungai/laut (boating), arung jeram (water rafting), menikmati alam semula jadi]
2. Memerhati burung (birding)
3. Jungle trekking, mendaki bukit/gunung
4. Pembelajaran/pendidikan alam semula jadi
5. Lawatan galeri dan muzium perhutanan
6. Penyelenggaraan fasiliti dan premis
7. Senaman yang tidak melibatkan sentuhan badan dan kemudahan fizikal
8. Penggambaran dan perfileman
9. Kajian dan penyelidikan perhutanan
10. Fasiliti penginapan, dewan dan lain-lain infra
11. Perkhemahan (Persendirian & Keluarga) kapasiti tidak melebihi 50% daripada tapak khemah
12. Lawatan berkumpulan tidak melebihi 20 orang
13. Rekreasi sukan lasak (motorcross, ATV, mountain bike, rock climbing, para gliding)
14. Majlis keramaian (hari keluarga) tidak melebihi 20 orang dalam satu kumpulan
15. Pengaturan kursus dan latihan teknikal jabatan

PRODUK EKO PELANCONGAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI JOHOR




PRODUK EKO PELANCONGAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI JOHOR



1 TAMAN EKO RIMBA GUNUNG PULAI 1, KULAI

1. Terletak 10 km dari Pekan Nenas melalui Jalan Kg. Sawah dan 40 km dari Bandaraya Johor Bahru.
2. Terletak di dalam Hutan Simpan Gunung Pulai, iaitu hutan dipterokarpa bukit.
3. Pelbagai aktiviti boleh dijalankan di sini seperti mandi-manda, berkelah, berkhemah, jejak hutan dan bersiar-siar.
4. Boleh dikunjungi dengan menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan awam seperti bas dan teksi.



2 TAMAN EKO RIMBA GUNUNG PULAI 2, KULAI

1. Terletak 10 km dari Pekan Nenas melalui Jalan Kg. Sawah dan 40 km dari Bandaraya Johor Bahru.
2. Terletak di dalam Hutan Simpan Gunung Pulai, iaitu hutan dipterokarpa bukit.
3. Pelbagai aktiviti boleh dijalankan di sini seperti mandi-manda, berkelah, berkhemah, jejak hutan dan bersiar-siar.
4. Boleh dikunjungi dengan menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan awam seperti bas dan teksi.



PRODUK EKO PELANCONGAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI JOHOR



3 TAMAN EKO RIMBA PANTI, KOTA TINGGI

1. Terletak 9 km dari bandar Kota Tinggi melalui Jalan Kota Tinggi-Mersing dan 48 km dari Bandaraya Johor Bahru.
2. Terletak di dalam Hutan Simpan Panti, iaitu hutan dipterokarpa tanah pamah.
3. Lokasi ini sesuai sebagai tempat berekreasi sambil menikmati keindahan alam semula jadi.
4. pengunjung boleh menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan awam seperti bas dan teksi.



4 TAMAN EKO RIMBA GUNUNG ARONG, MERSING

1. Terletak 17 km dari bandar Mersing melalui Jalan Mersing-Endau, 22 km dari bandar Endau dan 151 km dari Bandaraya Johor Bahru.
2. Terletak di dalam Hutan Simpan Gunung Arong, iaitu hutan dipterokarpa tanah pamah.
3. Sebagai tempat berekreasi sambil menikmati keindahan alam semula jadi. Selain itu, pengunjung dapat mengenali pelbagai jenis pokok di sini.
4. Boleh dikunjungi dengan menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan awam seperti bas dan teksi.
5. Dibuka pada hari Selasa hingga Ahad 8.00 pagi hingga 6.00 petang dan ditutup pada hari Isnin untuk penyelenggaraan.



PRODUK EKO PELANCONGAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI JOHOR

5 TAMAN EKO RIMBA GUNUNG BELUMUT, KLUANG

1. Terletak 32 km dari bandar Kluang melalui Jalan Kluang-Mersing dan 137 km dari Bandaraya Johor Bahru.
2. Terletak di dalam Hutan Simpan Kluang, iaitu hutan dipterokarpa bukit.
3. Pengunjung ke sini berpeluang untuk mendaki ke puncak Gunung Belumut setinggi 1010 m dari aras laut yang popular dengan spesies Orkid Selipar (*Paphiopedilum barbatum*) dan merupakan gunung tertinggi di Daerah Kluang.
4. Boleh dikunjungi dengan menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan awam seperti bas dan teksi.



6 TAMAN EKO RIMBA SOGA PERDANA, BATU PAHAT

1. Terletak 5 km dari bandar Batu Pahat melalui Jalan Kluang-Batu Pahat dan 130 km dari Bandaraya Johor Bahru.
2. Terletak di dalam Hutan Simpan Soga, iaitu jenis hutan dipterokarpa bukit.
3. Persekitaran hutan yang menarik dengan kepelbagaian flora dan fauna sesuai untuk berehat, bersiar-siar, jejak hutan dan berjoging. Luan ke manara pandang memberi panorama hutan yang menghijau dan keindahan bandar Batu Pahat.
4. Boleh dikunjungi dengan menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan awam seperti bas dan teksi.



PRODUK EKO PELANCONGAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI JOHOR

TAMAN EKO RIMBA

7 TAMAN EKO RIMBA SUNGAI BANTANG

1. Terletak 8 km dari pekan Bekok melalui Jalan Yong Peng-Chaah-Labis dan 155 km dari Bandaraya Johor Bahru.
2. terletak di dalam Hutan Simpan Labis, iaitu jenis hutan dipterokarpa pamah.
3. Pelbagai aktiviti boleh dijalankan di sini seperti berkelah, berkhemah, jejak hutan, mandi-manda, bersiar-siar. Pengunjung juga berpeluang melihat pelbagai spesies burung yang terdapat di kawasan ini.
4. Boleh dikunjungi dengan menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan awam seperti bas dan teksi.



8 TAMAN EKO RIMBA TAKAH MERLOH


1. Terletak 18 km dari pekan Labis melalui kampung tradisional melayu dan 154 km dari Bandaraya Johor Bahru.
2. terletak di dalam Hutan Simpan Labis, iaitu jenis hutan dipterokarpa pamah.
3. Keunikan taman eko rimba ini ialah jatuhnya air terjunnya yang kuat dan menarik. Pengunjung yang datang ke sini boleh berkelah, mandi-manda dan bersiar-siar sambil menikmati keindahan alam semula jadi.
4. Boleh dikunjungi dengan menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan awam seperti bas dan teksi.



PRODUK EKO PELANCONGAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI JOHOR

1 HUTAN TAMAN NEGERI GUNUNG ARONG

1. Terletak di Tanjung Resang, Mersing, sebuah daerah di timur laut negeri Johor. Gunung Arong terletak 17 km dari bandar Mersing, 22 km dari Pekan Endau, 151 km dari Johor Bahru dan 353 km dari Kuala Lumpur.
2. Oleh kerana gunung ini merupakan "mercu" tertinggi di Tanjung Resang, ia telah dipanggil "gunung" oleh penduduk di sekitarnya.
3. Hutan taman negeri yang dicadangkan ini merangkumi beberapa jenis hutan; hutan paya gambut, hutan tanah pamah, hutan bukit, hutan paya laut dan Jugo hutan pantai.



2 HUTAN TAMAN NEGERI AYER HITAM UTARA

1. Merupakan Hutan paya Gambut yang dipercayai berusia lebih dari 4000 tahun dengan ketebalan sekitar 6-9m
2. Berkeluasan kira-kira 3795ha dan telah diwartakan pada tahun 1940 lagi, terbahagi kepada 22 kawasan dan merupakan satu-satunya hutan paya gambut yang masih kekal di negeri Johor.
3. Kawasan hutan ini terletak kira-kira 25 km dari Muar, 24 km dari Kuala Lumpur dan 75 km dari Singapura
4. Dikelaskan sebagai Hutan Perlindungan (Protection Forest). Aktiviti pengusahaan hutan (pembalakan) tidak dibenarkan sama sekali.



PRODUK EKO PELANCONGAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI JOHOR

KAWASAN PENDAKIAN

1 GUNUNG SUMALAYANG, KOTA TINGGI

1. Gunung Sumalayang mempunyai kawasan hutan Dipterokarp Bukit, dan hutan Dipterokarp Atas. Kedudukannya yang agak terpencil di kawasan Hutan Simpan Ulu Sedili, Kota Tinggi.
2. ketinggian 700 kaki DPL keadaan laluan beransur curam hingga tiba di puncak bukit pada ketinggian 950 kaki dpl.
3. Pendakian selama 4 jam dengan jarak 7km.
4. Memerlukan kenderaan pacuan empat roda (4WD) yang sesuai digunakan untuk masuk ke kaki gunung Sumalayang



2 GUNUNG PANTI DAN PANTI BARAT, KOTA TINGGI

1. Gunung Panti dan Panti Barat merupakan kawasan hutan Dipterokarp Bukit, dan hutan Dipterokarp Atas.
2. Gunung Panti dan Panti Barat mempunyai ketinggian 1684 kaki dpl keadaan laluan beransur curam hingga tiba di puncak bukit pada ketinggian 513 meter dpl.
3. Pendakian selama hampir 4 jam dengan jarak 3.5km.
4. Memerlukan kenderaan pacuan empat roda (4WD) yang sesuai digunakan untuk masuk ke kawasan mula pendakian.




3 GUNUNG MUNTAHAK, KOTA TINGGI

1. Gunung Muntahak yang terletak di Daerah Kota Tinggi, Johor, Malaysia, mempunyai ketinggian setinggi 713 meter (2,339 kaki).
2. Gunung Muntahak mempunyai hutan Dipterokarp Bukit.
3. Terdapat banyak flora di gunung ini yang mempunyai nilai perubatan.
4. Gunung ini terletak dalam Daerah Kota Tinggi, Johor. Air Terjun Kota Tinggi yang terkenal itu berpunca dari gunung ini, dimana Sungai Pelepah Kanan yang membentuk air terjun tersebut mengalir turun dari Gunung Muntahak.



4 BATU TENGGEK, KOTA TINGGI

1. Batu Tenggек yang terletak di Daerah Kota Tinggi, Johor, Malaysia, mempunyai jarak trek 2.7km serta ketinggian setinggi 456 meter dpl.
2. Batu Tenggек mempunyai hutan Dipterokarp Bukit.
3. Terdapat banyak flora di gunung ini yang mempunyai nilai perubatan.
4. Bukit Batu Tenggек ini mempunyai struktur batu yang unik bertingkat-tingkat dan terdapat trek khusus untuk mendaki ke puncak gunung ini.



PRODUK EKO PELANCONGAN DI DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL NEGERI JOHOR

5 PELEPAH KIRI, KOTA TINGGI

1. Sungai Pelelah Kiri terletak di Daerah Kota Tinggi, Johor, Malaysia, mempunyai ketinggian setinggi 150 meter dan mempunyai hutan Dipterokarp Bukit.
2. Terdapat banyak flora di gunung ini yang mempunyai nilai perubatan.
3. Sungai Pelelah Kiri adalah sungai di Johor dan berdekatan dengan Bukit Sisek, Lombong dan Gunung Panti Barat. Sungai Pelelah Kiri juga berhampiran dengan Air Terjun Kota Tinggi. Puncak Sungai Pelelah Kiri ialah Bukit Pasir.



6 GUNUNG PULAI, KULAI

1. Gunung Pulai adalah 654 meter dpl tinggi Bukit berhampiran bandar Johor Bahru.
2. tempat ini istimewa kerana ia masih mengandungi perlindungan utama hutan hujan yang utama kerana ia merupakan kawasan tadahan air bagi berdekatan Johor Bahru dan Singapura
3. Mempunyai air terjun yang menakjubkan bagi aktiviti mandi manda
4. Untuk ke sana Gunung Pulai mudah dicapai melalui lebuhraya utara selatan, dan menjadi jalan keluar Kulai, selepas yang anda perlukan untuk lencongan di bawah lebuh raya dengan mengikuti papan tanda di sebelah kanan anda hanya selepas keluar dari plaza tol.



7 GUNUNG BEKOK, LABIS

1. Gunung Bekok merupakan sebuah gunung yang terdapat di Daerah Segamat, Johor, Malaysia. Tingginya 950 meter.
2. Terdapat Hutan Lipur Sungai Bantang Bekok yang mempunyai keluasan 400 hektar di kaki gunung tersebut.
3. Gunung Bekok mempunyai kawasan hutan Dipterokarp Bukit, dan hutan Dipterokarp Atas.
4. mempunyai spesies tumbuhan dari kumpulan terancam seperti pokok redan yang mana buahnya boleh dimakan tidak kurang juga spesies serangga yang tidak diketahui nama serta jarang dilihat. Landskap yang turut menarik perhatian pelancong ialah Air Terjun Sungai Bantang.



8 GUNUNG MAOKIL, SEGAMAT

1. Gunung Maokil merupakan sebuah gunung yang terdapat di Daerah Segamat, Johor, Malaysia. Tingginya 578 meter.
2. Gunung Maokil mempunyai kawasan hutan Dipterokarp Bukit, dan hutan Dipterokarp Atas.
3. Mempunyai spesies tumbuhan dari kumpulan terancam seperti pokok redan yang mana buahnya boleh dimakan tidak kurang juga spesies serangga yang tidak diketahui nama serta jarang dilihat.



9 GUNUNG BELUMUT DAN GUA RIMAU, KLUANG

1. Gunung Belumut yang terletak di Daerah Kluang ialah gunung ketiga tertinggi di negeri Johor, Malaysia. Tingginya 1,010 meter dengan jarak perjalanan 5.8 KM untuk sampai ke puncak (4-5 jam)
2. Gunung Belumut mempunyai hutan Dipterokarp Bukit, dan hutan Dipterokarp Atas. Perkataan "Belumut" merujuk kepada batang-batang pokok yang dilitupi oleh tumbuhan-tumbuhan hijau.
3. Salah satu tarikan gunung ini ialah "Batu Mahkota", sebuah batu yang kelihatannya seolah-olah satu mahkota raksasa, dan dapat dilihat selepas pengembaraan berjalan kaki selama dua jam.
4. Gunung Gua Rimau dengan ketinggian 889 meter dengan jarak 5 km dari Puncak Gunung Belumut dan perlu mendaki Gunung Belumut dan bermalam di puncaknya sebelum meneruskan perjalanan pada hari seterusnya untuk sampai ke Gunung Gua Rimau (4 jam perjalanan)
5. Merupakan kawasan yang menarik dan mempunyai kawasan yang lapang di puncak.



10 GUNUNG LAMBAK, KLUANG

1. Gunung Lambak merupakan sebuah gunung kecil yang terletak di Daerah Kluang, Johor, Malaysia dengan ketinggian setinggi 510 meter (1,673 kaki) dari aras laut.
2. Gunung Lambak mempunyai hutan Dipterokarp Bukit.
3. Terdapat pelbagai flora di gunung ini yang mempunyai nilai perubatan.



11 GUNUNG ARONG, MERSING

1. Mempunyai ketinggian 240 meter gpl dan berkeluasan 12,871.67 ha yang telah digazet sebagai kawasan hutan simpan kekal oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor.
2. kaya dengan pelbagai spesies flora dan fauna termasuklah dari spesies endemik Resak Batu (Cotylelobium melanoxyton)
3. 17 km daripada Bandar Mersing dan 22 km dari Bandar Endau.
4. merangkumi beberapa jenis hutan; hutan paya gambut, hutan tanah pamah, hutan bukit, hutan paya lout dan juga hutan pantai.



12

GUNUNG BANANG, BATU PAHAT

1. Gunung Banang merupakan sebuah gunung yang terletak di Daerah Batu Pahat, Johor, Malaysia.
2. Gunung Banang yang terletak di pinggir bandar Batu Pahat dengan puncak setinggi 432.38 meter dari paras laut itu popular sebagai kawasan rekreasi orang ramai untuk berjoging dan mendaki, selain mempunyai pemandangan indah menghadap Selat Melaka.



13


BUKIT BOTAK, BUKIT, BERDIRI, BUKIT PAYONG, BATU PAHAT

1. Bukit Botak, Bukit, Berdiri, Bukit Payong merupakan sebuah bukit yang terletak di Daerah Parit Sulong, Johor, Malaysia.
2. Bukit Payong mempunyai ketinggian 697 meter dpl dengan jarak lebih kurang 5 km.
3. Bukit Botak dan Bukit Berdiri mempunyai ketinggian lebih kurang 234 meter dpl dengan jarak 1.7 km.
4. Merupakan tran pendakian dengan melalui Bukit Botak, Bukit Berdiri dan terus ke puncak Bukit Payong.



1 TREK SUKAN LASAK SALOR GAJAH, LABIS

1. Merupakan trek sukan lasak bagi kenderaan pacuan 4 roda di dalam Hutan Simpan labis, daerah Segamat.
2. Mempunyai panajng trek 6.8 KM dan mengambil masa 3 jam untuk sampai ke Kem Salor Gajah
3. Merupakan trek sukan lasak sederhana dan hanya kenderaan 4 roda yang mempunyai peralatan yang lengkap sahaja boleh memasuki kawasan tersebut.
4. Mempunyai kawasan sungai yang cantik bagi aktiviti perkelahan dan bersantai.



2 TREK SUKAN LASAK SUMALAYANG, KOTA TINGGI

1. Merupakan trek sukan lasak bagi kenderaan pacuan 4 roda di dalam Hutan Simpan Ulu Sedili, Kota Tinggi.
2. Mempunyai panajng trek 6.1 KM dan mengambil masa 3 jam untuk sampai ke Kem Sumalayang
3. Merupakan trek sukan lasak sederhana dan hanya kenderaan 4 roda yang mempunyai peralatan yang lengkap sahaja boleh memasuki kawasan tersebut.
4. Mempunyai kawasan sungai dan air terjun yang cantik bagi aktiviti perkelahan dan bersantai.



3 TREK SUKAN LASAK SUNGAI YONG, BELUMUT

1. Merupakan trek sukan lasak bagi kenderaan pacuan 4 roda di dalam Hutan Simpan Kluang, Kluang.
2. Berdekatan dengan Taman Eko Rimba Gunung Belumut.
3. Mempunyai panjang trek 7 KM dan mengambil masa 3-4 jam untuk sampai ke Kem Sungai Yong.
4. Merupakan trek sukan lasak sederhana dan hanya kenderaan 4 roda yang mempunyai peralatan yang lengkap sahaja boleh memasuki kawasan tersebut.
5. Mempunyai kawasan sungai dan air terjun yang cantik bagi aktiviti perkelahan dan bersantai.

